

Penggunaan Kaedah Retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10

The Use of Rhetorical Methods in the 7th and 10th Malaysian Prime Minister's Speeches

Najihah Abdul Wahid*, Noor Saadah Salleh, Mohamad Nik Mat Pelet

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: 2023257788@student.uitm.edu.my

Received: 12 November 2024; **Revised:** 02 May 2025; **Accepted:** 20 June 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Abdul Wahid, N., Salleh, N. S., & Pelet, M. N. M. (2025). Penggunaan Kaedah Retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. *PENDETA*, 16(1), 130-144. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.12.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.12.2025>

ABSTRAK

Retorik adalah sebahagian daripada bidang linguistik yang mempunyai seni asas dalam memberi pengaruh atau impak kepada penonton, pendengar, pembaca mahupun khalayak ramai melalui ucapan, penyampaian atau penulisan seseorang. Oleh kerana itu, retorik penting dalam membantu seseorang pengucap untuk mendapatkan sokongan yang kukuh terhadap mesej atau ucapan yang disampaikan kepada penonton dan pendengar. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana penggunaan kaedah retorik dalam ucapan dua orang Perdana Menteri Malaysia yang Ke-7 dan Ke-10 berdasarkan tiga elemen Teori Retorik Aristotle iaitu ethos, pathos dan logos. Penulisan ini, membincangkan dua objektif iaitu mengenal pasti kaedah retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 dan menganalisis kaedah retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle. Penulisan ini juga, menggunakan pendekatan kualitatif yang bercorakkan deskriptif dan pengumpulan data melalui analisis kandungan serta transkripsi. Data yang diambil adalah berdasarkan rakaman video yang telah dipilih melalui media massa. Dapatan kajian ini dilihat melalui penggunaan kaedah retorik dalam bahasa serta gaya oleh pengucap yang mampu memberi pengaruh serta memberi kesan terhadap emosi penonton dan pendengar. Melalui hasil kajian, pengkaji membandingkan penggunaan kaedah retorik antara Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 untuk melihat persamaan dan perbezaan jumlah penggunaan kaedah retorik tersebut. Secara keseluruhan jumlah kadar penggunaan ketiga-tiga elemen pada kajian ini, sebanyak 16 elemen iaitu logos dan pathos sebanyak 5 elemen manakala ethos pula sebanyak 6 elemen yang didapati melalui 6 ucapan Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 yang dipilih. Hal ini, membuktikan bahawa penggunaan kaedah retorik penting dalam sesebuah ucapan dan setiap pengucap perlu menggunakan kaedah retorik ini agar ucapan yang disampaikan mempunyai tarikan, nilai dan mampu memberi keyakinan kepada penonton atau pendengar.

Kata kunci: retorik; ucapan; perdana menteri; teori retorik Aristotle; video

ABSTRACT

Rhetoric is part of the field of linguistics that has a basic art in influencing or impacting the audience, listener, reader or public through one's speech, presentation or writing. Therefore, rhetoric is important in helping a speaker to gain strong support for the message or speech delivered to the audience and listener. This study was conducted to see the extent of the use of rhetorical methods in the speeches of the two Prime Ministers of Malaysia, the 7th and 10th, based on the three elements of Aristotle's Rhetoric Theory, namely ethos, pathos and logos. This writing examines two objectives, namely identifying the rhetorical methods found in the speeches of the 7th and 10th Prime Ministers of Malaysia and analyzing the rhetorical methods used by the 7th and 10th Prime Ministers of Malaysia based on Aristotle's Rhetoric Theory. This author also uses a qualitative approach that organizes descriptive and data collection through content analysis and transcription. The data taken is based on video recordings that have been selected through multiple medias. The findings of this study are seen through the use of rhetorical methods in language and style by speakers who are able to influence and affect the emotions of their

audience and listeners. Through the results of the study, the researcher compared the use of rhetorical methods between the 7th and 10th Prime Ministers of Malaysia to see the similarities and differences in the use of rhetorical methods. Overall, the total use of the three elements in this study was 16 elements, namely logos and pathos with 5 elements while ethos with 6 elements found through the 6 speeches of the 7th and 10th Prime Ministers of Malaysia that were selected. This proves that the use of rhetorical methods is important in a speech and every speech needs to use this rhetorical method so that the speech delivered has appeal, value and is able to give confidence to the audience or listener.

Keywords: *rhetoric; speech; prime minister; Aristotle rhetorical theory; video*

PENGENALAN

Retorik adalah sebahagian daripada bidang linguistik yang mempunyai seni asas dalam memberi pengaruh atau impak kepada penonton, pendengar, pembaca mahupun khalayak ramai melalui ucapan, penyampaian atau penulisan seseorang. Retorik secara khususnya, menjadi pelantar yang lebih mengutamakan elemen dalam menerima reaksi daripada penerima. Bidang retorik ini, banyak memberikan kesan terhadap pemujaan apabila menyampaikan sesuatu mesej dalam usaha untuk memujuk dan mempengaruhi seseorang. Namun bidang retorik pada hakikatnya, telah berkembang sejak berzaman lagi dan bidang ini berkembang bersama dengan teori-teori baru berkaitan gaya serta menjawab semua soalan yang penting berkaitan corak, rekaan, proses mengubah dan sebagainya.

Menurut Muhammad Mazlan Abu Bakar (2015), retorik merupakan satu bidang yang merujuk kepada seseorang yang mempunyai kelebihan atau kepakaran dalam bahasa dan komunikasi yang berkesan. Manakala, Jeniri Amir (2017) berpendapat bahawa retorik juga merupakan satu unsur utama dalam bidang pengucapan. Dapat dilihat perkara ini sejajar dengan penggunaan retorik yang mementingkan cara, sikap, dan strategi bertujuan untuk menyampaikan pesanan kepada pendengar. Penggunaan retorik ini penting kepada pengucap kerana tanpa retorik, pesanan yang cuba disampaikan tidak akan memberi impak kepada pendengar. Menurut Iglia Kassabova (2015), retorik merupakan satu gabungan cara yang berimpak seperti penulisan, pengucapan, pujukan dan pertunjukkan dalam memberi atau menyampaikan pesanan kepada pendengar.

Retorik menumpukan sepenuhnya terhadap pemikiran yang teliti dalam ucapan dan nilai ucapan yang dilontarkan. Retorik memberi galakkan kepada pengucap untuk sentiasa melihat kepada refleksi diri terhadap ucapan yang diucapkan, dan mempertimbangkan ucapan yang diucapkan daripada pelbagai perspektif. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti kaedah retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 dan menganalisis kaedah retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle.

Permasalahan Kajian

Retorik merupakan satu sudut yang utama dalam memberi pengaruh kepada orang lain mengikut penampilan jenis-jenis bahasa yang mempunyai gaya dan tarikan untuk didengar. Pemahaman seseorang pengucap atau pengkarya berkaitan retorik dan kemahiran mengaplikasikan retorik akan membantu mereka menghasilkan ucapan dan karya yang bagus, kemas dan berkesan. Adenan Ayob et. al. (2010) menyatakan sekiranya sesuatu ujaran yang diluahkan itu tidak mempunyai buah fikiran, maka perkara tersebut akan menghasilkan retorik yang tidak mempunyai makna. Di samping itu, Nurul Nadiah dan Zulkefli Aini (2021) berpendapat bahawa retorik penting dalam sudut komunikasi lisan yang menggunakan percakapan bertujuan menyampaikan sesuatu mesej. Mesej yang disampaikan perlu mempunyai seni retorik ini agar dapat mempengaruhi serta menarik perhatian pendengar mahupun penonton.

Kelebihan penggunaan retorik dalam sesebuah ucapan itu akan lebih berkesan dan mampu membuat pendengar percaya dan yakin dengan apa yang disampaikan terutamanya apabila melibatkan kepimpinan. Rohaidah et. al. (2019) menyatakan bahawa setiap pemimpin perlu mempunyai kemahiran bertutur dengan baik supaya pendengar berasa yakin dengan kepimpinannya. Hal ini demikian, pemimpin hendaklah menggunakan bahasa menarik dan mempunyai retorik ketika menyampaikan ucapan. Muhammad Mazlan (2015) pernah menyatakan bahawa seni retorik ini penting dalam penggunaan media bagi memujuk dan memberi pengaruh terhadap perubahan yang dilakukan oleh

kerajaan. Disebabkan itu, maka terbukti bahawa sesuatu ucapan tidak akan mampu meyakinkan pendengar tanpa penggunaan retorik.

Pemahaman seseorang pengucap atau pengkarya berkaitan retorik dan kemahiran mengaplikasikan retorik akan membantu mereka menghasilkan ucapan dan karya yang bagus, kemas dan berkesan. Tanpa elemen retorik sesebuah karya akan kelihatan kurang menarik. Namun begitu, ada yang berpendapat bahawa retorik tidak mempunyai sifat positif kerana retorik dianggap sebagai satu elemen yang tidak membantu pengucap mahupun penulis untuk memperoleh isi kandungan teks yang bagus dan berkesan. Terdapat kekurangan pemahaman dan penghayatan terhadap retorik walaupun wujud kepentingan pemujaan atau komunikasi persuasif dalam pelbagai domain seperti politik, aktiviti sosial dan perniagaan. Kebanyakan syarikat mahupun individu lebih cenderung terhadap strategi pemujaan bersifat mudah dan bersifat manipulasi yang mementingkan manfaat sementara berbanding dengan komunikasi yang beretika dan mempunyai empati. Hal ini, tidak hanya menjatuhkan kredibiliti pengucap namun ianya dapat mengekalkan kuasa yang bersifat dinamik dan mempertahankan naratif yang mempunyai kuasa mahupun pengaruh. Disebabkan hal tersebut, terdapat keperluan bagi pemahaman yang lebih teliti dan mendalam berkaitan retorik termasuk etika, faktor kontekstual serta kaedah utama bertujuan menerapkan komunikasi bersifat pujukan yang memberi impak dan peranan penting. Maka kajian ini dijalankan supaya bidang retorik ini dikembangkan lagi dan penggunaan retorik lebih meluas di masa hadapan bukan sahaja terhadap pengucap mahupun penulis tetapi terhadap setiap individu.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenal pasti kaedah retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10
- ii. Menganalisis kaedah retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle

Untuk menjawab objektif di atas, pengkaji menyediakan dua persoalan seperti berikut:

- i. Apakah kaedah retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10?
- ii. Bagaimanakah kaedah retorik yang digunakan dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle?

Sorotan Literatur

Renée H. Shea et. al. (2013) mengupas tentang penggunaan retorik dengan melihat pada tahap yang terbaik. Menurut mereka, retorik ialah aktiviti yang bertimbang rasa, refleksi yang membawa kepada komunikasi yang berkesan, termasuk pertukaran pemikiran yang rasional daripada sudut pandangan yang bertentangan. Mereka mempunyai alat untuk menyelesaikan konflik tanpa konfrontasi, untuk memujuk pembaca atau pendengar untuk menyokong pendirian mereka, atau menggerakkan orang lain untuk mengambil tindakan. Retorik juga bukan sekadar ucapan. Setiap isi, gambar dan iklan direka untuk meyakinkan pembaca atau penonton tentang sesuatu yang cuba disampaikan.

Selain itu, Haziq Aisha (2023) menyifatkan bahawa pengaplikasian retorik berkaitan penulisan dakwah boleh memberi impak kepada khalayak ramai. Pengkaji juga menyatakan bahawa seseorang penulis bagi teks berunsurkan dakwah perlu mengutamakan pemilihan elemen retorik agar mesej yang disampaikan dapat memberi pengaruh yang baik kepada pendengar. Justeru, hal ini dapat membantu meningkatkan imej institusi keagamaan apabila terhasilnya satu teks dakwah yang berkualiti dan mampu mencapai objektif yang ditetapkan. Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk melihat retorik yang digunakan dalam penyampaian khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam berlandaskan Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993). Pengkaji menganalisis setiap peranan dan kegunaan retorik yang dilihat sebagai satu strategi dakwah yang meninggalkan kesan. Oleh itu, menurut pengkaji dakwah yang disampaikan berkesan apabila penggunaan bahasa yang berseni dan jelas dititikberatkan.

Seterusnya, Farah Hanini Abdul Rahman et. al. (2022) mengupas tentang penggunaan kaedah retorik dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia yang ke-9 iaitu YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam sebuah program Keluarga Malaysia yang diadakan di Pusat Konvensyen Borneo, Kuching Sarawak pada 21 Oktober 2021. Pengkaji menumpukan sepenuhnya terhadap ucapan penting dalam pelbagai aspek seperti krisis politik, pandemik dan pembangunan negara. Kajian ini menggunakan teori retorik Aristotle yang mengutamakan tiga elemen iaitu *ethos*, *pathos* dan *logos* dengan tujuan untuk melihat bagaimana Perdana Menteri ke-9 menyampaikan ucapan beliau. Para pengkaji menyifatkan bahawa kaedah retorik ini sering digunakan bagi mendapatkan kepercayaan dan menarik minat pendengar terutamanya dalam wacana dan ucapan. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian yang dijalankan. Kajian ini juga, dapat menyumbang kepada pemahaman yang mendalam dalam politik di Malaysia dan mampu menjadi rujukan untuk pengkaji akan datang.

Di samping itu juga, Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Ain (2021) ada menyatakan bahawa seseorang pengucap atau penutur perlulah mempunyai disiplin semasa menyampaikan sesuatu maklumat lebih-lebih lagi dakwah yang ingin disampaikan. Selain itu, cara komunikasi yang baik bagi menyampaikan idea, emosi, sikap, fakta dan cara memanipulasikan ucapannya mengikut kemampuan, kemahiran, kelebihan dengan cara tersendiri. Oleh itu, kajian ini mempunyai objektif yang bertujuan menganalisis tiga cara utama retorik pengucapan *logos*, *pathos* dan *ethos* di dalam ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk melihat keberkesanan penyusunan retorik di dalam ucapan terhadap orang ramai. Jurnal ini membincangkan gaya ucapan yang berkesan dalam dakwah merujuk kepada ucapan retorik Nik Abdul Azizi Nik Mat serta membincangkan disiplin teori retorik yang diterapkan dalam dakwah yang berkesan seperti *logos*, *pathos* dan *ethos*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif yang bercorakkan deskriptif dan pengumpulan maklumat melalui teks ucapan.

Sementara itu, Zulaikha Khairuddin et. al. (2021) menyifatkan bahawa kemahiran yang paling mencabar yang dirasakan oleh pelajar apabila mereka mempelajari bahasa Inggeris ialah kemahiran menulis. Melalui kajian yang ini pengkaji akan mengenal pasti strategi retorik yang digunakan oleh kedua-dua penulis yang bagus dan penulis yang tidak bagus. Dalam kajian menunjukkan penggunaan tiga elemen di bawah teori retorik Aristotle iaitu *logos*, *ethos* dan *pathos*, secara berbeza. Mereka juga menyampaikan mesej dengan betul namun kedua-duanya tidak menunjukkan diri mereka sebagai penulis. Justeru, pengkaji merasakan bahawa setiap pelajar perlu membiasakan diri dengan penggunaan strategi retorik dan pelajar juga perlu tahu bahawa retorik merupakan strategi untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka.

Akhir sekali, Chai Nyun Chow (2020) telah mengupas tentang penggunaan retorik dalam ucapan politik Tun Mahathir bin Mohamad mengenai pasca kemenangan Pakatan Harapan. Kajian ini menggunakan retorik adalah untuk meyakinkan pendengar untuk mendengar ucapan yang berunsurkan politik oleh Tun Mahathir bin Mohamad. Pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mengkaji teks ucapan politik Tun Mahathir bin Mohamad dari sudut operandi pengaplikasian retorik dan kekerapan strategi retorik yang digunakan dengan berasaskan teori retorik Aristotle iaitu *ethos*, *pathos* dan *logos* sebagai kerangka teori. Pengkaji juga menggunakan pelantar “youtube” untuk pengumpulan data sebanyak enam buah ucapan jenis politik yang berbahasa Melayu dan mentranskripsikannya untuk dijadikan sebagai maklumat dalam kajian ini. Sebanyak 429 ungkapan yang mengandungi unsur retorik telah dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif jenis analisis kandungan. Dapatan kajian ini menunjukkan Tun Mahathir telah menggunakan kesemua retorik dalam ucapan beliau.

Hasil penelitian terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa tumpuan terhadap penggunaan retorik dalam ucapan politik sememangnya telah menjadi tujuan utama dalam penyelidikan wacana kepimpinan di Malaysia. Sebagai contoh, kajian oleh Farah Hanini Abdul Rahman et al. (2022) membuktikan bahawa pendekatan retorik dapat mendedahkan cara pemimpin mencorakkan persepsi khalayak melalui strategi bahasa yang terpilih. Kajian lain oleh Chai Nyun Chow (2020) turut menyokong keberkesanan penggunaan teori Aristotle dalam wacana politik kerana teorinya berupaya menggambarkan bagaimana seseorang pemimpin membina kredibiliti (*ethos*), menggerakkan emosi (*pathos*) dan menggunakan hujah logik (*logos*) dalam menyampaikan mesej. Dari segi metodologi, kajian ini turut selari dengan kecenderungan pengkaji lepas yang banyak memilih pendekatan kualitatif, khususnya melalui analisis kandungan dan analisis teks, kerana kaedah ini dapat merungkai makna tersirat dalam bahasa dan struktur wacana politik.

Namun demikian, perbandingan dengan kajian lepas turut mendedahkan wujudnya variasi dari segi skop kajian, teori yang dirujuk, serta bahan dan pendekatan yang digunakan. Sebahagian pengkaji memilih untuk meneliti bahan bukan politik seperti ceramah motivasi, karya kreatif atau novel sebagai teks utama kajian. Dalam aspek teori pula, ada juga yang mengaplikasikan Teori Retorik Moden seperti yang dibawakan oleh Enos dan Brown (1993), berbanding Aristotle, khususnya dalam kajian retorik bukan persuasif. Ini menunjukkan bahawa bidang retorik adalah luas, dinamik dan fleksibel dalam aplikasinya. Selain itu, wujud juga variasi dalam pemilihan kaedah penyelidikan. Walaupun pendekatan kualitatif mendominasi, terdapat juga pengkaji yang menggunakan pendekatan kuantitatif atau gabungan kedua-duanya bergantung kepada keperluan dan sifat data yang dikaji. Justeru, melalui pelbagai perspektif dan pendekatan ini, jelas menunjukkan bahawa kajian retorik dalam ucapan politik masih terbuka luas untuk diteroka, khususnya dalam konteks perbandingan antara tokoh politik berpengaruh seperti Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis terhadap ucapan Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 iaitu 3 ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala 3 lagi ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Setiap ucapan yang dipilih akan ditonton dan diteliti bagi mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti, menganalisis dan melihat kepada persamaan serta perbezaan yang terdapat melalui kajian yang dijalankan. Terdapat 6 ucapan yang dikaji dan 6 ucapan tersebut dipilih mengikut jumlah tontonan dan fokus kajian ini hanya menumpukan sepenuhnya terhadap analisis kandungan yang akan diteliti dalam ucapan. Pemilihan pendekatan dilihat sesuai dengan kajian ini kerana kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan bagi melihat retorik yang terdapat dalam ucapan sekali gus dapat membantu pengkaji dalam mengumpul data-data melalui ucapan yang dipilih.

Kaedah yang diaplikasikan dalam kajian adalah kaedah analisis kandungan bertujuan untuk mengumpul sebanyak mungkin data dan maklumat penting yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dibuat. Selain itu, analisis kandungan merupakan salah satu kaedah pengkajian yang memfokuskan kepada pesanan dengan tumpuan yang berasaskan sistem kepada kelas yang digunakan (Syed Arabi Idid, 1993). Manakala menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006), analisis kandungan merupakan satu elemen saintifik yang berkait dengan proses khas sesuatu kajian bagi mewujudkan pendapat yang terkini, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan peristiwa tertentu atau menerangkan sesuatu tindakan yang dilakukan.

Kerangka Teori

Teori Retorik Aristotle berfungsi sebagai satu cara untuk mencapai komunikasi sosial dalam wacana. Teori ini telah digunakan dalam banyak kajian berkaitan tema pemujukan. Sama seperti kajian semasa, aplikasi Teori Retorik Aristotle ini digunakan dalam penyelidikan terhadap kebolehpasaran sesuatu produk. Yang et. al. (2018) menyatakan terdapat tiga bentuk persuasif utama iaitu kredibiliti, ikatan emotif dan perwatakan. Di bawah retorik Aristotle, terdapat tiga jenis retorik rayuan iaitu pathos (emosi), logos (rasional) dan ethos (etika) yang menjadi komponen dalam alat pemujukan (Griffin, 2000). Namun begitu, Higgins dan Walker (2012) menyatakan bahawa Aristotle tidak memberi ketetapan secara khas dalam proses mengkaji pengaruh dalam komunikasi.

Rajah 1 Teori Retorik Aristotle



Logos merupakan istilah Yunani dengan banyak perbezaan makna dimana ia boleh menjadi makna dalam satu perkataan, atau ia boleh merujuk maksud kata majmuk kepada perkataan dalam dokumen atau ucapan. Selain itu, logos juga membawa maksud terhadap pemikiran yang dinyatakan dalam kata-kata, wacana, hujah, atau peristiwa dan bukan itu sahaja malah logos juga berunsurkan intelek atau pemikiran yang rasional secara asasnya. Walau bagaimanapun, ia lebih mementingkan tentang cara khalayak ramai membuat alasan semasa keputusan dibuat tentang isu-isu bersifat umum yang penting berbanding dengan logik formal ahli logik atau dialektik. Penggunaan logos (logik) merupakan satu unsur yang penting khususnya apabila memberi hujah berkaitan dengan perkara atau maklumat yang ingin disampaikan kepada khalayak ramai. Menurut Chamil Warya (2015), bukti artistik ini melibatkan unsur rayuan yang bersifat logik yang berasaskan hujahan yang boleh diterima oleh pendengar. Hujahan tersebut akan diteliti dari sudut bentuk atau corak retorik dan teknik retorik.

Walaupun Aristotle mengkritik penceramah yang memanipulasi emosi penonton mereka, namun Aristotle bagaimanapun berpendapat kajian tentang emosi manusia adalah penting terhadap retorik yang sistematik. Istilah pathos sering digunakan untuk merujuk kepada daya tarikan yang memberi impak atau emosi yang memberikan mesej persuasif terhadap penonton atau pendengar yang melakukan tindakan. Namun begitu, wujud kaitan emosi yang khusus terhadap minat Aristotle dengan keupayaan emosi untuk mempengaruhi pertimbangan penonton. Chamil Warya (2015), menyatakan bahawa bukti artistik ini mendorong kepada sifat yang tidak logik terhadap seseorang individu. Beliau juga menyatakan emosi merupakan unsur yang memainkan peranan penting dalam diri seseorang individu dan situasi minda yang membawa dalam pengaplikasian gaya bahasa yang boleh menimbulkan emosi penonton mahupun pendengar.

Ethos merupakan perwatakan atau kredibiliti seseorang yang mampu memberi impak kepada individu lain. Pengucap atau penulis perlu memberi pembuktian terhadap ucapan mahupun kata-kata yang dilontarkan kepada pendengar atau penonton. Aristotle telah membahagikan ethos kepada tiga bahagian iaitu pengucap perlu menunjukkan kecerdasan fikiran dan akal budi, kebajikan dan muhibah. Chamil Warya (2015), menyatakan bahawa ethos adalah daya komunikasi atau cara komunikasi seseorang. Ethos adalah unsur yang digunakan untuk melihat sama ada seseorang pengucap itu boleh dipercayai atau tidak. Kelebihan ethos ini terdiri daripada kebijaksanaan dan kepandaian, amanah, baik dan berbudi, berpengalaman, dan berilmu tentang perkara yang ingin dibicarakan.

Kajian ini menggunakan Teori Retorik Aristotle sebagai sandaran yang utama. Penggunaan teori ini bertujuan untuk menghubungkan data yang diambil melalui ucapan Perdana Menteri Malaysia Ke-7 dan Ke-10 dengan tiga elemen utama iaitu logos, pathos dan ethos. Sekaligus menerapkan teknik retorik pada data kajian ini. Selain itu, teori ini biasanya digunakan dalam kajian berkaitan pemujukan namun teori ini dilihat sesuai dengan kajian dilakukan kerana wujud unsur pemujukan dalam sesebuah ucapan walaupun fokus kajian ini adalah sepenuhnya terhadap penggunaan retorik. Data yang didapati dikeluarkan mengikut kategori tiga elemen tersebut dan dianalisis mengikut kesesuaian.

HASIL KAJIAN

Kaedah Retorik yang Terdapat dalam Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10

Pada bahagian ini, penggunaan retorik dapat dikenal pasti melalui jadual yang disediakan di bawah. Pada jadual tersebut menunjukkan bahawa penggunaan elemen logos, pathos dan ethos. Pengkaji telah mengenal pasti ketiga-tiga elemen menerusi 6 ucapan yang mempunyai perbezaan seperti jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Elemen Retorik Aristotle

Elemen Retorik	Tun Dr. Mahathir Mohamad	Dato' Seri Anwar Ibrahim	Kadar Penggunaan Retorik
Logos	3	2	5
Pathos	3	2	5
Ethos	3	3	6
Jumlah	9	7	16

Jadual 1 menunjukkan tiga elemen penting disertakan dengan kadar penggunaan retorik yang didapati melalui ucapan yang telah dianalisis dan diteliti. Pada bahagian ini, pengkaji membandingkan penggunaan kaedah retorik antara Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 untuk melihat persamaan dan perbezaan jumlah penggunaan kaedah retorik tersebut. Pada bahagian ini, terdapat perbezaan kadar penggunaan dalam elemen logos diantara kedua-dua orang Perdana Menteri Malaysia tersebut iaitu sebanyak tiga elemen logos yang didapati melalui ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala sebanyak dua elemen logos yang didapati melalui ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Begitu juga, dengan elemen pathos yang terdapat perbezaan iaitu sebanyak tiga elemen pathos yang didapati melalui ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala sebanyak dua elemen pathos yang didapati melalui ucapan Dato' Sei Anwar Ibrahim. Namun, untuk elemen ethos pula, terdapat persamaan kadar penggunaan antara Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 iaitu sebanyak tiga elemen ethos yang didapati melalui ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala sebanyak tiga elemen ethos yang didapati melalui ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kadar penggunaan ketiga-tiga elemen sebanyak 16 elemen iaitu logos dan pathos sebanyak lima elemen manakala ethos pula sebanyak enam elemen. Hal ini, membuktikan bahawa penggunaan kaedah retorik penting dalam sesebuah ucapan dan setiap pengucap perlu menggunakan kaedah retorik ini agar ucapan yang disampaikan mempunyai tarikan, nilai dan mampu memberi keyakinan kepada penonton atau pendengar. Analisis terhadap ketiga-tiga elemen ini boleh dilihat pada bahagian data seterusnya.

Kaedah Retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle

Logos

Perdana Menteri ke-7: Tun Dr. Mahathir Mohamad

Data 1

“Kita sudah terima dan faham akan kegunaan *online marketing* iaitu bagaimana kita boleh pasarkan barangan kita, membeli dan menjual segala keperluan kita tanpa ke kedai atau ke pasar. Segala yang kita jual atau beli dilakukan melalui telefon sahaja. Untuk ini kemudahan menghantar diperlukan. Ini memberi peluang pekerjaan hantar menghantar kepada pemilik motosikal dan kereta. *Online trading* sebenarnya boleh meningkat jual beli dengan lebih besar. Kita tidak perlu bertemu pembekal ataupun pembeli melalui iklan yang mempamer jenis barangan dan fungsinya dalam komputer ataupun telefon bimbit pasaran dunia menjadi lebih terbuka walaupun kepada pengusaha kampung.”

(TDMM, Belanjawan 2021)

Data 1 di menunjukkan penggunaan elemen retorik logos (logik) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi selama 32 minit 51 saat bersempena Belanjawan 2021. Petikan data 1 diambil dari minit yang ke 16:18 sehingga minit ke 16:53. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan bahawa “kita” iaitu merujuk kepada kerajaan sudah pun menerima dan faham tentang kegunaan *online marketing* bagi memudahkan urusan jual beli semasa penularan wabak *Covid-19*. Beliau telah membentangkan beberapa cara atau inisiatif bagi membantu rakyat dalam Belanjawan 2021. Perkara ini mampu menarik minat pendengar terutamanya apabila ianya melibatkan keadaan yang sukar di musim pandemik. Oleh itu, pendengar semestinya mempercayai ucapan yang diujarkan dan seterusnya menyokong apa yang diujarkan oleh beliau terutamanya pendengar yang terjejas semasa pandemik berlangsung.

Data 2

“Saya ingin mengucap banyak terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah menjemput saya untuk berucap dalam majlis yang sebegini ramai berkenaan dengan usaha kita untuk membangunkan kawasan luar bandar. Kita sedar bahawa di kawasan luar bandar terdapat ramai penduduknya yang miskin sebaliknya di kawasan bandar kita dapati ramai yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi. Jarak antara bandar dengan luar bandar tetap ada tetapi kalau ianya kekayaan bandar dengan luar bandar ini jarak terlalu luas maka akan timbullah perasaan benci dan marah oleh mereka yang miskin terhadap mereka yang kaya sebab itu dasar baru kerajaan adalah untuk mengagihkan kekayaan dalam negara supaya jarak antara miskin dan kaya tidaklah terlalu luas sehingga menimbulkan perasaan iri hati dan benci oleh pihak yang ketinggalan sebab itu kita membentuk dasar baru iaitu pembangunan negara mestilah mengurangkan jarak antara miskin dan kaya di mana-mana sahaja ianya berada dan kita tahu antara bandar dan luar bandar terdapat jarak yang amat jauh dan ini adalah keadaan yang tidak sihat bahkan merbahaya. Kita sudah kenal pasti keadaan yang berbeza antara negeri-negeri di Malaysia ini.”

(TDMM, Ucapan Bersama Rakan Strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2020)

Data 2 menunjukkan penggunaan elemen retorik logos (logik) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi selama 21 minit 37 saat iaitu ucapan bersama rakan strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2020. Petikan data 2 diambil dari minit ke 00:36 sehingga minit ke 02:53. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan tentang dasar baru yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi membantu penduduk luar bandar yang menghadapi masalah kemiskinan dan perkara ini jauh sekali dengan penduduk yang berada di bandar di mana mereka lebih kaya. Justeru, kerajaan menganggap hal ini sebagai satu perkara perlu diberi fokus agar kehidupan luar bandar dan bandar sama rata serta tidak wujud perasaan tidak puas hati antara mereka. Kerajaan juga berharap agar dasar baru ini mampu membantu penduduk luar bandar yang susah dan miskin. Oleh itu, pendengar yang datang dari luar bandar tentunya berasa yakin dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau sekali gus menyokong tindakan beliau untuk terus membangunkan dan membantu penduduk luar bandar.

Data 3

“Bagi melancarkan usaha ini, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 atau MA 63 (*Malaysia Agreement 1963*). Kesemua 23 ahli jawatankuasa ini yang terdiri daripada menteri-menteri Kabinet Persekutuan, Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah juga telah bermesyuarat beberapa kali untuk berbincang dengan lebih lanjut mengenai perkara ini.”

(TDMM, Hari Malaysia 2019)

Data 3 menunjukkan penggunaan elemen retorik logos (logik) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi selama 21 minit 43 saat bersempena Hari Malaysia 2019. Petikan data 3 diambil dari minit yang ke 18:02 sehingga minit ke 18:47. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan tentang Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang menyebut berkaitan kedudukan Sabah dan Sarawak namun tidak mempunyai sokongan yang kuat. Justeru, kerajaan mempunyai usaha dengan mewujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk memeriksa

Perjanjian Malaysia 1963. Usaha ini dilakukan untuk membantu dan menarik orang ramai untuk menyokong tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan. Oleh itu, pendengar terutamanya orang Sabah dan Sarawak akan menyokong dan percaya dengan perkara yang disampaikan oleh beliau.

Perdana Menteri Ke-10: Dato' Seri Anwar Ibrahim

Data 1

“Ini bukan soal pertimbangan politik saya konsisten dalam hal ini. Semporna pun tahu konsisten. Mana kalau kita belanja sini 10 juta kita kena tambah di Sabah, Sarawak 100 juta. Kawasan pendalaman. Jadi janganlah kita gunakan perbandingan bahawa “Oh, dia bagi kepada Sabah dan Sarawak begitu tinggi. Keperluan mereka sebab itu dalam *Malaysia Agreement* 1963 (Perjanjian Malaysia 1963) itu dimasukkan pemberian khas. Walaupun dipertikai tidak sepatutnya pemberian khas ini pemberian hak, tidak mengapa istilahnya tapi sebab itu saya tambah pemberian khas untuk angkat kedudukan Sarawak.”

(DSAI, Belanjawan 2023)

Data 1 menunjukkan penggunaan elemen retorik logos (logik) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berdurasi selama 39 minit 08 saat bersempena Belanjawan 2023. Petikan ucapan diambil dari minit ke 8:34 sehingga ke minit 9:19. Beliau menyebut tentang Perjanjian Malaysia 1963 dalam ucapan kerana peruntukan untuk negeri Sabah dan Sarawak akan lebih daripada semenanjung Malaysia kerana hal itu merupakan hak rakyat Sabah dan Sarawak. Beliau menerangkan tentang kandungan Perjanjian Malaysia 1963 supaya rakyat faham akan hak serta kelebihan untuk negeri Sabah dan Sarawak. Oleh itu, beliau dilihat mampu menarik pendengar untuk mempercayai perkara yang disampaikan terutamanya pendengar di Sabah dan Sarawak.

Data 2

“Saya ucap tahniah Kementerian Pendidikan kerana sekolah-sekolah dhaif di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak dapat diselesaikan sebelum Oktober tahun ini 2023.”

(DSAI, Hari Malaysia 2023)

Data 2 menunjukkan penggunaan elemen retorik logos (logik) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berdurasi 18 minit 55 saat bersempena sambutan Hari Malaysia 2023. Petikan ucapan diambil dari minit ke 13:48 sehingga ke minit 13:58. Dalam ucapan tersebut beliau berterima kasih dengan Kementerian Pendidikan yang telah berusaha untuk meningkatkan sekolah-sekolah yang dalam keadaan tidak baik di seluruh negeri begitu juga Sabah dan Sarawak. Usaha yang dilakukan adalah untuk memudahkan rutin seharian kanak-kanak yang masih bersekolah. Oleh itu, usaha ini secara tak langsung meningkatkan kepercayaan rakyat kepada beliau dan ahli menteri yang lain.

Pathos

Perdana Menteri Ke-7: Tun Dr. Mahathir Mohamad

Data 1

“Jika nak nanti Covid-19 tamat bertahun-tahun diperlukan. Bebaslah banduan yang lebih utama pada rakyat ialah mereka terdedah kepada kebuluran. Bagi mereka yang tidak pernah mengalami kebuluran tekanan sudah sampai ke tahap menekan jiwa. Sudah ada yang membunuh diri kerana terputus kehidupan biasa. Ada ramai yang mengalami tekanan jiwa apabila digugat dan di gugur daripada pekerjaan. Sesungguhnya, kes-kes seperti ini perlu ditangani secepat mungkin.”

(TDMM, Belanjawan 2021)

Data 1 menunjukkan penggunaan elemen retorik pathos (emosi) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi 32 minit 51 saat bersempena Belanjawan 2021. Petikan ucapan diambil dari minit ke 26:17 sehingga ke minit 27:56. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan tentang kesusahan rakyat akibat penularan wabak *Covid-19*. Beliau juga menyebut tentang kebuluran rakyat sampai ke tahap membunuh diri akibat tiada sumber pendapatan yang stabil. Perkara ini terbukti mampu menyentuh emosi pendengar kerana seperti yang sedia maklum penularan ini sangat memberi impak kepada semua orang bukan sahaja di Malaysia. Oleh itu, usaha beliau itu mampu menarik ramai pendengar untuk bersetuju dan turut merasakan perasaan yang sama dirasakan beliau semasa menyampaikan ucapan tersebut.

Data 2

“Di zaman ini kita mendapati peluang untuk mengatasi kemiskinan di luar bandar terdapat dengan banyaknya kerana sistem dan teknologi yang moden ini memberi peluang kepada kita untuk memperkayakan diri. Kalau kita akan Sejarah memang pun cara-cara kita bergerak, bekerja di luar bandar bertukar mengikut keadaan zaman. Kalau dahulu kita menggunakan kerbau untuk menarik tenggala tetapi sekarang ini kita guna *machine*, tetapi sekarang ini pun sudah ada lagi teknologi yang baru yang membolehkan kita mendapat kejayaan dengan lebih mudah lagi. Dahulu pengusaha di kampung- kampung yang boleh membuat tikar dan topi dan lain-lain, *basket* dan sebagainya Cuma mempunyai pasaran kampung sahaja. Pasaran itu terlalu kecil untuk mereka mendapat keuntungan yang cukup untuk sara hidup mereka tetapi apabila jalan dibina pasaran menjadi besar. Barangan di kampung boleh dipasarkan di bandar-bandar dengan itu mereka mungkin mendapat kemajuan.”

(TDMM, Ucapan Bersama Rakan Strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2020)

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan elemen retorik pathos (emosi) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi 21 minit 37 saat iaitu ucapan bersama rakan strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2020. Petikan ucapan tersebut diambil dari minit ke 09:19 sehingga ke minit 10:47. Dalam ucapan tersebut beliau membandingkan kehidupan pada zaman dahulu sebelum wujudnya jalan raya di kawasan luar bandar dengan zaman kini yang membangun dengan adanya teknologi yang maju dan jalan raya yang telah dibina maka tidak susahlah untuk kerajaan mengagihkan kekayaan namun kerajaan juga memerlukan semangat serta sokongan daripada rakyat yang duduk di kawasan luar bandar. Justeru, melalui ucapan tersebut beliau sengaja menggunakan perbandingan zaman dahulu dan sekarang untuk mempengaruhi emosi pendengar agar mereka terus bersemangat untuk memajukan dan membangunkan kawasan luar bandar serta mampu membantu kerajaan untuk membasmi kemiskinan.

Data 3

“Saya harap kita semua tidak lupa bahawa kesepakatan penyatuan ini perlu difahami dan dihayati oleh segenap rakyat Malaysia. Perbezaan pendapat antara kita adalah perkara biasa terutama apabila kita tidak lagi terancam. Ia perlu diraih dan dihargai, dan bukan dijadikan faktor perpecahan. Perbezaan pendapat ini perlu di bincang untuk mencari penyelesaian yang terbaik bagi kita semua.”

(TDMM, Hari Malaysia 2019)

Data 3 menunjukkan penggunaan elemen retorik pathos (emosi) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi 21 minit 43 saat bersempena Hari Malaysia 2019. Petikan ucapan diambil dari minit ke 3:34 sehingga ke minit 4:28. Dalam ucapan tersebut beliau menyebut tentang kesepakatan dan menyeru kepada semua pendengar untuk sentiasa bersatu walaupun mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau juga berharap agar rakyat di Malaysia dapat mengelakkan perpecahan antara satu sama lain tidak kira bangsa, agama atau budaya. Hal ini kerana, kesepakatan penting dalam membentuk sebuah negara yang harmoni dan aman tidak kira pangkat, darjat mahupun kedudukan. Oleh itu, rayuan beliau ini mampu menyentuh emosi pendengar kerana apa yang cuba disampaikan itu jelas dan beliau mempunyai cara tersendiri dalam menyampaikannya.

Perdana Menteri Ke-10: Dato' Seri Anwar Ibrahim

Data 1

“Pada hari khamis yang lalu, saya menghadap Ke Bawah Duli Yang Mulia Di-Pertua Agong dan baginda masih sangat terkesan bicara dengan penuh perasaan, berlinang air mata kerana terpegun, terkesan dengan kasih sayang rakyat tunjukkan kepada mereka berdua.”

(DSAI, Hari Malaysia 2023)

Data 1 menunjukkan penggunaan elemen retorik pathos (emosi) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berdurasi 18 minit 55 saat bersempena Hari Malaysia 2023. Petikan ucapan diambil dari minit ke 4:34 sehingga ke minit 5:08. Dalam ucapan tersebut beliau menceritakan tentang Ke Bawah Duli Yang Mulia Di-Pertua Agong dan baginda masih terkesan dengan layanan yang penuh kasih sayang oleh rakyat. Baginda menyatakan perasaan itu sambil menangis kerana terlalu kagum dengan sambutan rakyat yang luar biasa. Walaupun apa yang disampaikan dalam keadaan yang ceria namun ucapan beliau mampu menyentuh emosi pendengar kerana seperti yang sedia maklum rakyat sangat menyayangi Raja dan Permaisuri. Oleh itu, terbukti dalam ucapan beliau wujudnya penggunaan retorik emosi.

Data 2

“Ada yang tak hantar anak ke sekolah kerana tidak ada wang nak beli uniform sekolah.”

(DSAI, *Grand Finale* Kita Selangor)

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan elemen retorik pathos (emosi) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berdurasi 38 minit 08 saat di *Grand Finale* Kita Selangor. Petikan ucapan diambil dari minit ke 14:00 sehingga ke minit 14:09. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan kesusahan rakyat sampai tahap yang tidak mampu membeli baju sekolah untuk anak-anak mereka. Beliau juga menyebut tentang usaha kerjasama beliau dan ahli menteri yang lain untuk membantu rakyat yang susah dan memerlukan bantuan. Oleh itu, mampu menarik perhatian dan emosi pendengar dan seterusnya menyokong tindakan beliau untuk membantu rakyat yang susah.

Ethos

Perdana Menteri Ke-7: Tun Dr. Mahathir Mohamad

Data 1

“Saya sebut perkara ini kerana pengalaman saya apabila saya tidak lagi berkuasa. Ada kes yang mengambil sehingga lapan tahun sebelum mendapat kelulusan. Kata ahli perniagaan “*time means money*”. Dengan izin sekarang pihak yang diberi kuasa melulus yang terdiri daripada pegawai terpaksa rujuk kepada orang atasan. Ada kalanya, apabila dirujuk kepada orang atasan mereka disuruh untuk rujuk kepada pegawai pula. Jika Belanjawan 2021 ini nak di laksana maka proses kelulusan hendaklah dipendekkan.”

(TDMM, Belanjawan 2021)

Data 1 menunjukkan penggunaan elemen retorik ethos (kredibiliti) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi 32 minit 51 saat bersempena Belanjawan 2021. Petikan ucapan diambil dari minit ke 18:40 sehingga ke 19:25. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan proses kelulusan sesuatu urusan mengambil masa yang agak lama. Seperti beliau yang mempunyai pengalaman untuk menanti proses sesuatu urusan itu dipersetujui dan mendapat lesen sememangnya lama. Maka beliau meminta untuk mempercepatkan setiap proses kelulusan agar semua perkara berjalan dengan lancar tanpa menunggu lama. Perkara ini menunjukkan bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad ini mempunyai perwatakan yang tegas dan berdasarkan pengalamannya beliau

lantang bersuara. Oleh itu, terbukti dengan perwatakan beliau ini pendengar akan berasa yakin dengan perkara yang disampaikan.

Data 2

“Inilah hasrat kita dan saya harap rakyat akan sambut dasar baru kerajaan ini supaya dengan sambutan ini dengan kesanggupan mereka menggunakan peluang-peluang yang akan diwujudkan maka kita dapat kurangkan perbezaan pendapatan antara bandar dan luar bandar dengan itu negara kita tetap akan menjadi lebih maju dan mungkin akan mencapai matlamat kita untuk menjadi negara maju pada tahun 2030. Jadi inilah harapan kerajaan dan saya bersyukur usaha ke arah ini sedang dijalankan oleh Kementerian Luar Bandar dengan sokongan daripada swasta dengan pihak-pihak lain dan saya yakin sedikit sebanyak kita akan berjaya. Bukanlah kita nak berjaya seratus peratus tetapi sekurang-kurangnya kita dapat menampung kemiskinan, mengurangkan kemiskinan di luar bandar supaya jarak kemiskinan dan kekayaan antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan.”

(TDMM, Ucapan Bersama Rakan Strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2020)

Data 2 menunjukkan penggunaan elemen retorik ethos (kredibiliti) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi 21 minit 37 saat iaitu ucapan bersama rakan strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2020. Petikan ucapan diambil dari minit ke 19:46 sehingga minit ke 21:05. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan hasrat kerajaan untuk mendapat sambutan daripada rakyat bagi menggunakan dasar baru yang telah dibuat oleh kerajaan. Beliau juga menyatakan bahawa beliau yakin bahawa Malaysia akan berjaya meningkatkan taraf hidup kawasan luar bandar dan membasmi kemiskinan yang wujud sejak sekian lama. Selain itu, cara percakapan beliau tersebut menunjukkan bahawa beliau mempunyai semangat dan sangat mengambil berat tentang rakyat di negara Malaysia ini. Oleh itu, perwatakan beliau ini sedikit sebanyak mampu membuat pendengar berasa yakin dan percaya dengan usaha yang beliau nyatakan serta pendengar juga akan bersedia untuk menyokong kerajaan di bawah kepimpinan beliau.

Data 3

“Setelah bersama di dalam keluarga besar Malaysia lebih lima dekad, saya yakin majoriti rakyat Malaysia menolak pemikiran sempit dan jumud ini dan akan terus bersama mempertahankan perpaduan kita.”

(TDMM, Hari Malaysia 2019)

Data 3 menunjukkan penggunaan elemen retorik ethos (kredibiliti) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad yang berdurasi 21 minit 43 saat bersempena Hari Malaysia 2019. Petikan ucapan diambil dari minit ke 10:28 sehingga ke 10:48. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan bahawa tema yang digunakan pada tahun 2019 iaitu Malaysia Bersih dan beliau juga meletakkan rasa yakin dalam diri beliau terhadap rakyat Malaysia yang menolak sekerasnya pemikiran sempit. Beliau menyebut perkara ini berdasarkan pengalaman beliau bersama rakyat Malaysia selama lima dekad dan beliau merupakan seorang Perdana Menteri yang dilihat mempunyai perwatakan yang positif dan beliau juga meneliti pemikiran rakyat. Oleh itu, perwatakan yang di bawa oleh beliau mampu memberi keyakinan kepada pendengar sekaligus menyokong beliau dalam setiap aspek yang dilakukan.

Perdana Menteri Ke-10: Dato' Seri Anwar Ibrahim

Data 1

“Saya pernah lalui proses ini 8 tahun bila daripada defisit. 2 tahun saya kata berimbang dia berimbang. Lepas 1 tahun saya kata belanjawan lebih dia lebih. Alhamdulillah pengalaman itu akan mengajar saya untuk mengurangkan defisit dan ini sesuatu yang mampu kita laksanakan kerana kalau ikut betul-betul apa yang berlaku sebulan selepas pengumuman belanjawan defisit kita tepat, sudah sampai targetnya. Ini hari ini sudah sampai berdasarkan angka-angka baru yang kita peroleh. Alhamdulillah.”

(DSAI, Belanjawan 2023)

Data 1 menunjukkan penggunaan elemen retorik ethos (kredibiliti) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berdurasi 39 minit 08 saat bersempena Belanjawan 2023. Petikan ucapan diambil dari minit ke 16:00 sehingga ke minit 16:39. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan dengan pengalaman yang diberikan selama 8 tahun terdapat perubahan yang positif dalam belanjawan 2023 dan beliau mengambil masa yang tidak lama untuk meningkatkan balik belanjawan 2023. Perkara ini menunjukkan beliau sangat komited dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan perubahan daripada defisit selama bertahun namun pada 2023 mula menampakkan hasil yang baik. Oleh itu, perwatakan beliau dilihat sangat bersemangat dalam melakukan perubahan ke arah lebih baik dan perwatakan ini sekali gus memberi keyakinan kepada pendengar untuk terus menyokong usaha yang dilakukan.

Data 2

"Betul ada titah Di Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertua Agong untuk mewujudkan kerajaan Perpaduan. Tetapi bagi pihak rakan-rakan saya, dari semua komponen kerajaan Perpaduan saya ingin mengucapkan terima kasih dan *salute* kepada kerajaan dan GPS Sarawak yang memberikan dukungan yang sangat kuat bersama dengan GRS Sabah."

(DSAI, Hari Malaysia 2023)

Data 2 menunjukkan penggunaan elemen retorik ethos (kredibiliti) melalui ucapan Perdana Menteri Ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berdurasi 18 minit 55 saat bersempena Hari Malaysia 2023. Petikan ucapan diambil dari minit ke 10:15 sehingga ke minit 10:49. Dalam ucapan tersebut beliau mengucapkan terima kasih dan rasa hormat beliau kepada GPS Sarawak dan GRS Sabah atas sokongan dan dukungan yang mereka berikan kepada beliau. Perkara ini menunjukkan bahawa beliau dengan rasa rendah diri dan mempunyai adab yang tinggi walaupun kedudukan sebagai seorang Perdana Menteri namun tidak kekok mengucapkan terima kasih dan dengan rendah hati beliau menghormati pihak lain. Oleh itu, perwatakan ini mampu meraih sokongan dan rasa hormat pendengar terhadap beliau.

Data 3

"Saya syukur Alhamdulillah tak ada satu Menteri disabitkan dengan sakau, ambil kontrak, ambik saham. Ya betul. *I'm serious.*"

(DSAI, *Grand Finale* Kita Selangor)

Data 3 menunjukkan penggunaan elemen retorik ethos melalui ucapan Perdana Menteri Ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berdurasi 38 minit 08 saat di *Grand Finale* Kita Selangor. Petikan ucapan diambil dari minit ke 21:34 sehingga ke minit 21:44. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan rasa syukur yang tidak terhingga kerana sepanjang Malaysia berada dibawah pemerintahannya, tidak ada satu masalah pun yang datang daripada ahli menteri yang lain. Perkara ini menunjukkan bahawa beliau yakin dan percaya akan ahli menteri yang lain dalam pada masa yang sama beliau juga tidak lupa untuk mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana memudahkan serta melindungi kerajaan yang dipimpinnya sekarang. Beliau berpendapat tanpa pertolongan Allah SWT, beliau tidak mampu untuk mewujudkan keharmonian dalam sesebuah hubungan. Oleh itu, perwatakan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa berpegang pada agama dan yakin terhadap kebolehan orang lain ini mampu menarik perhatian pendengar untuk terus menyokong beliau pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian yang dilaksanakan ini adalah kajian yang signifikan dalam membuktikan kewujudan elemen retorik dalam sesebuah ucapan. Ia juga berperanan penting dalam membentuk gaya penyampaian yang berseni dan kreatif. Penguasaan terhadap ilmu retorik oleh seseorang amat diperlukan bagi mewujudkan corak komunikasi yang sistematik, berkesan, tepat serta sarat dengan nilai estetika. Tambahan pula, melalui penguasaan retorik seperti yang diuraikan dalam kajian ini, penulis berupaya menghasilkan struktur ayat yang ringkas, jelas dan mudah difahami oleh pembaca.

Penggunaan elemen retorik juga berfungsi sebagai platform bagi menyampaikan mesej dan maklumat yang berkesan yang mampu memberi pengaruh terhadap emosi pendengar atau penonton. Sehubungan itu, penerapan retorik dapat membantu pengkaji dalam penghasilan karya yang bukan sahaja memberi manfaat, malah menyumbang kepada pembentukan nilai positif dalam diri setiap individu. Justeru, penggunaan retorik dalam ucapan Perdana Menteri ke-7 dan ke-10 dilihat mampu menyampaikan idea dan pandangan mereka dengan lebih bermakna serta memberikan impak yang mendalam kepada pendengar.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

RUJUKAN

- A. Kennedy, G. (2007). *Aristotle On Rhetoric A Theory of Civic Discourse* (Second Edition ed.). Oxford University Press.
- Abu Bakar, M., & Hamzah, Z. (2016, Jun). Retorik Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Dalam Laporan Media Cetak. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 010-025.
- Abu Bakar, S. (2015, Februari 2). Perbandingan sebagai Strategi Retorik dalam Iklan Radio. *Jurnal Pendeta*, 5(9), 175-192.
- Abdul Rahman, F., Mohamad, M., & Ismail, S. (2022, Disember 1). Wacana Kepimpinan Perdana Menteri Malaysia Ke-9: Analisis Kaedah Retorik. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 6(4), 38-56.
- Ali Imran, H., & Hashim, N. (2022). Retorik Naratif Dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Semasa Era Pandemik.
- Aisha, H. (2023). Bahasa Retorik Sebagai Strategi Penyampaian Khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendeta*, 23(1), 65-90.
- Azmi, N. S., & Yusof, M. (2020). Kata “Kesangatan” dalam Frasa Adjektif Dialek Terengganu. *Jurnal Melayu*, 19(1), 124-148.
- Abd Hamid, M., Abdul Jabar, M., Che Rodi, R., & Ab. Halim, A. (2022). Strategi Retorik dalam Teks Perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk Membendung Wabak Covid-19 di Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 26(2), 038-051.
- H. Shea, R., Scanlon, L., & Dissin Aufses, R. (2012). *The Language of Composition Reading, Writing, Rhetoric* (Second Edition ed.). Bedford/St. Martin's.
- Hamad, S., Mohamad Ali, A., Paramasivam, S., & Abdul Jabar, M. (2022). Argumentative Tactic of Rhetorical Fallacies in Political Discourse. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 18(2), 66-86.
- Hj Samri, D., & Aisha, H. (Disember, 2021). Penggunaan Bahasa Retorik Dalam Pewahanaan Informasi COVID 19 Di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95-117.
- Khairuddin, Z., Rahmat, N., Mohd Noor, M., & Khairuddin, Z. (2021). The use of rhetorical strategies in argumentative essays. *Social Sciences & Humanities*, 29(83), 263-285.
- Nopiah, J., & Samarudin, N. I. (2024). Penggunaan Gaya Bahasa Retorik Dalam Pelaporan Berita Politik di Berita Televisyen. *Jurnal Pendeta*, 15(2), 37-51.
- Chai Nyun Chow. (2020). Penggunaan Retorik Dalam Ucapan Politik Tun Mahathir bin Mohamad Pasca Kemenangan Pakatan Harapan [Master thesis, Universiti Malaysia Sarawak]. UNIMAS Institutional Repository.
- Mat Dehan, A., & Yaakob, H. (2015). Teknik Retorik Dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 2, 49-59.
- Mokhtar, S., Thia, K., Ationg, R., Ahmad, M., Mohad, A., & Abd Rahim, S. (2023). Teori Kepimpinan Transformasi Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8(32), 276-291. doi: DOI 10.35631/IJLGC.832022
- Muhamad Saad, N., Mohamed, Y., Mohammad, W., Ismail, M., & Md. Isa, Z. (2021). Teknik Retorik Penceritaan Hadis Naratif Sahih Al-Bukhari Berdasarkan Perawi Terpilih. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3), 199-216.
- Rohman, M. A., & Sabri, A. A. (2016). Sistem Kad Perakam Waktu (KPW) Era Kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8(2), 166-183.

- Tahajuddin, S., Mohd Kassim, A., Justine, J., & Ibrahim, I. (2021). Cabaran dalam Proses Kutipan Data Kaedah Kualitatif Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 35-48. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1034>
- T. Torto, R. (2020). Aristotelian Rhetorical Theory as a Framework for Analyzing Advertising Texts in The Print Media in Ghana. *Theory and Practice in Language Studies*, 10(3), 269-283.
- Toye, R. (2013). *Rhetoric: A Very Short Introduction*. Oxford University Press.
- O. Sloane, T. (2001). *Encyclopedia of Rhetoric*. Oxford University Press.
- Osman, Z. (2015). Strategi Dan Jenis Retorik Penulisan Makalah Penyelidikan Dalam Jurnal Berimpak Tinggi. [Master thesis, Universiti Utara Malaysia]. Universiti Utara Malaysian Electronic Theses and Dissertation
- Yaakob, N., Hamzah, Z., Md Zain, N., & Syed Abdullah, S. (2018). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Lingusitik*, 22(2), 054-067.
- Zamri, N., & Aini, Z. (2021). Retorik Dalam Dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 149-158.